



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA
CAWANGAN KEJURUTERAAN ELEKTRIK
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA
ARAS 11, MENARA KERJA RAYA (BLOK G)
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR



Telefon : (03) 2618 9958
Faks : (03) 2618 9844
Laman Web : <https://www.jkr.gov.my>

Ruj. Kami : (39) JKR(CKE)2/2/131-24/2022 Jld. 3
Tarikh : 5 November 2024

PETENDER-PETENDER

Tuan,

PROJEK : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PEMBINAAN KOMPLEKS LATIHAN TENUN PAHANG DIRAJA DI PENJARA PENOR, PAHANG

NO. TENDER : JKR/CKE/22983/2024

PERKARA : ADDENDUM NO.1

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman tuan, terdapat perubahan **Addendum No. 1** bagi projek di atas. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen berikut untuk tindakan petender :

i. Arahan Kepada Petender – Pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate* – TCC) Bagi Perolehan Kerja

3. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki memuat turun dokumen tersebut dan memuat naik semula bersama-sama dengan dokumen tender asal. Adalah dimaklumkan bahawa tarikh tutup tender **kekai** kepada **21 November 2024 sebelum 12.00 tengah hari**.

4. Sila pihak tuan akui penerimaan makluman di atas dengan menandatangani **LAMPIRAN A** yang dilampirkan bersama dan memuat naik akuan tersebut bersama-sama tender tuan ke sistem JKR e-Tender (JET).

5. Segala kesulitan berhubung perkara tersebut amat dikesali dan perhatian pihak tuan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(Ir. **AMIRUL MUKMININ BIN OMAR**)
Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Unit Perunding Rekabentuk Keselamatan
b.p.: Pengarah Kanan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia




CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 03507




CERTIFIED TO ISO 14001:2015
CERT. NO.: EMS 00227



CERTIFIED TO ISO 45001:2018
CERT. NO.: OHS 00604



CERTIFIED TO ISO 50001:2018
CERT. NO.: EnMS 00111



CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO.: 00249

Kepada:

Jurutera Elektrik Penguasa Kanan
Unit Perunding Rekabentuk Keselamatan
Cawangan Kejuruteraan Elektrik
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Kuala Lumpur
(u.p.: Ir. Amirul Mukminin Bin Omar)

Tuan,

**PROJEK : PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK PEMBINAAN KOMPLEKS
LATIHAN TENUN PAHANG DIRAJA DI PENJARA PENOR, PAHANG
NO. TENDER : JKR/CKE/22983/2024**

PERKARA : ADDENDUM NO.1

Pihak kami telah menerima pemakluman addendum melalui surat / e-mel tuan bertarikh yang melampirkan **Addendum No.1**. Pihak kami juga mengambil maklum bahawasanya pihak kami perlu menggantikan dokumen tender asal yang telah dimuat turun oleh pihak kami sebelum ini. Kami akan mengambil kira addendum tersebut semasa menghargakan tender ini.

Yang benar,

.....

Tandatangan Petender

Nama Penuh :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Nama & Cap Syarikat :

SILA E-MEL SERTA MERTA KE PEJABAT INI (tender.uprkscke@jkr.gov.my) DAN SILA MUAT NAIK KE SISTEM JET JKR eTender SEBAGAI PENGESAHAN PENERIMAAN

ARAHAN KEPADA PETENDER

PENGEMUKAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC) BAGI PEROLEHAN KERJA.

1. **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate - TCC)** adalah merupakan sijil akuan status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) sebagai dokumen prasyarat bagi tujuan perolehan Kerajaan.
2. Petender **WAJIB** mengemukakan atau memuat naik TCC bersama-sama Dokumen Tender semasa mengemukakan tawaran secara manual atau secara dalam talian seperti mana kaedah penyerahan tawaran Tender yang ditetapkan.
3. TCC adalah **DOKUMEN WAJIB** kelayakan asas Tender. Petender yang tidak mengemukakan TCC atau mengemukakan TCC berstatus '**Tidak Patuh**' / TCC yang tidak sah, akan dinilai sebagai '**Gagal**' mengemukakan dokumen wajib dan tidak layak dinilai untuk peringkat seterusnya.
4. Bagi tender yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan TCC dengan status '**Patuh**' dan masih dalam tempoh sah laku semasa mengemukakan tawaran.
5. Tiada sebarang pengecualian ke atas pengemukaan TCC termasuklah Petender yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.
6. Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada petender dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement - FTA*) yang menyertai perolehan kerja Kerajaan. Sebarang pengecualian melibatkan perkara ini hendaklah dirujuk kepada pihak LHDN.
7. Bagi penyerahan tender melalui Sistem JET, petender perlu memuat naik TCC di dalam tindakan Kehendak-Kehendak Kontrak.
8. Petender boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara sendiri melalui menu Status *MyTax* di Portal *MyTax* iaitu <https://mytax.hasil.gov.my>. Portal *MyTax* boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan / passport dan kata laluan seperti mana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi *e-Filing*.

9. Sekiranya Petender belum mempunyai Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identificaton Number* (TIN), pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di Portal *MyTax*.
10. Petender boleh mendapatkan maklumat lanjut atau merujuk terus ke LHDN bagi tujuan dan maksud TCC ini. Ketidak patuhan Petender untuk mengemukakan TCC akan menyebabkan tawaran Petender tidak dinilai.

CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS PATUH



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Telefon : 03-8911 1000
(HASiL Care Line)

Port Rasmi :
<https://www.hasil.gov.my>

Tarikh Janaan Sijil
07,

Tarikh Luput Sijil
07,

SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC)
BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN
(STATUS: PATUH)

Adalah dengan ini, sayaahkan bahawa

telah memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja. Sekiranya terdapat bukti-bukti yang menunjukkan pemegang sijil ini tidak mematuhi mana-mana peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia berhak menarik balik status pematuhan yang diberikan melalui sijil ini.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).



[C

CONTOH SIJIL PEMATUHAN CUKAI BERSTATUS TIDAK PATUH



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Telefon
Portal Rasmi

: 03-8911 1000
(HASiL Care Line)
: <https://www.hasil.gov.my>

SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC) BAGI PERMOHONAN PEROLEHAN KERAJAAN (STATUS: TIDAK PATUH)

Adalah dengan ini, disahkan bahawa

tidak memenuhi kriteria permohonan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) seperti berikut:

- ☐ Tidak mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan
- ☐ Mempunyai cukai/baki cukai tertunggak yang belum dijelaskan

Sila berurusan di pejabat LHDNM yang berdekatan atau e-mel ke alamat tcc@hasil.gov.my untuk penyelesaian isu di atas.

Sijil ini dikeluarkan berdasarkan status pematuhan pembayar cukai bagi maksud permohonan perolehan kerajaan sahaja.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi HASiL Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) / 603-8911 1100 (luar negara).

